

## **Pendaftaran Permohonan Lesen Baharu PPW**

**<https://ideal.kpkt.gov.my>**



**KPKT**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN BAHARU PEMBERI PINJAM WANG  
DI BAWAH AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951 [AKTA 400]**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran</b>	<b>Semakan</b>
1.	<b>Borang Permohonan</b> Permohonan Lesen Baharu Pemberi Pinjam wang (PPW) perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem iDEAL di alamat <b><a href="https://ideal.kpkt.gov.my">https://ideal.kpkt.gov.my</a></b>	
2.	<b>Dokumen Permohonan Lesen Baharu Pemberi Pinjam Wang</b> Sila kemukakan dokumen seperti berikut semasa mengemukakan permohonan:  2.1 Dokumen e-Info SSM ( <i>Corporate Information</i> ) terkini yang menunjukkan pembuktian status syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) atau Berhad dengan modal berbayar syarikat minima RM 2 juta. 2.2 Jadual C, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akuan Berkanun) bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM. 2.3 Salinan Kad Pengenalan/Pasport bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM. 2.4 Salinan keputusan carian kebangkrapan (Insolvensi) bagi setiap Pengarah/ Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM. 2.5 <i>Criminal Clearance &amp; Bankruptcy Report</i> yang terkini dari negara asal pemohon. (Jika pengarah/pengurus bukan warganegara Malaysia).	
3.	<b>Ujian Rakaman Cap Jari</b> Setiap pemohon (warganegara dan bukan warganegara) perlu menjalani rakaman cap jari PDRM di Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Hanya pemohon yang <b>LULUS</b> tapisan cap jari sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan permohonan lesen baharu oleh Pendaftar Pemberi Pinjam Wang.	

Bil.	Butiran	Semakan
4.	<p data-bbox="197 219 272 248">Nota:</p> <p data-bbox="197 271 1358 300">Sila ambil maklum bahawa permohonan <b>TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN</b> sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="197 322 1155 351">4.1 Pemohon mengemukakan permohonan bagi membuka cawangan;</li><li data-bbox="197 374 1382 434">4.2 Pemohon mempunyai lesen Pemegang Pajak Gadai di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81]; dan</li><li data-bbox="197 456 1382 551">4.3 Pemohon mengemukakan permohonan untuk beroperasi di negeri Melaka dan Kelantan serta di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Yan.</li></ul>	